
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN
SITC • MPSI • IPSI • UPSI • 1922-2022
FACULTY OF SCIENCE AND MATHEMATICS
FSM UPSI
NURTURING CREATIVE MINDS



BULETIN
Fakulti Sains dan Matematik

JULAI - DISEMBER 2025

Bil. 13_2025

Sidang
Pengarang

JAWATANKUASA MEDIA FSM

ChM. Dr. Maizatul Najwa Jajuli
Dr. Zainun Mustafa
Dr. Wan Nurul Huda Wan Ab Kadir
Dr. Wan Rusmawati Wan Mahamod
Dr. Nilavathi A/P Balasundram
Dr. Lilia Ellany Mohtar
En. Roszairi Haron
PM. Dr. Nurul Akmal Mohamed
PM. Dr. Raja Noor Farah Azura Raja Ma'amor Shah
Pn. Norasmeda Amri
En. Muhammad Yusri Noordin
En. Ibrahim Saidin
Pn. Norlida Othman

Isi Kandungan

Aluan Dekan 1

Sekilas Kejayaan 15

Jabatan Biologi 16

Jabatan Fizik 25

Jabatan Kimia 31

Jabatan Matematik 36

@FSM 38

Aluan Dekan



Profesor Dr. Mohd Faizal Nizam Lee bin Abdullah S.I.S

Dekan FSM

Assalamulaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Bagi pihak warga Fakulti Sains dan Matematik (FSM), saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua mahasiswa/i baru kerana telah terpilih untuk melanjutkan pengajian di FSM. Fakulti merasa cukup bertuah kerana memperoleh para pelajar yang terbaik dari seluruh Malaysia. Saya bersama pasukan pengurusan serta keseluruhan warga kerja FSM akan berusaha memberikan yang terbaik agar suasana pengajian anda semua adalah cukup kondusif dan pada tahap keselesaan yang tinggi. Di samping menimba ilmu dari para pensyarah yang sentiasa bersedia untuk mencurahkan kepakaran masing-masing kepada anda sekalian, rebutlah peluang untuk mewujudkan jalinan hubungan sesama rakan-rakan lain semasa di sini. Manfaatkanlah segala kemudahan dan libatkan diri anda dengan aktiviti yang dirancang oleh universiti untuk melengkapkan diri anda sebagai seorang graduan cemerlang yang sudah bersedia dengan alam pekerjaan kelak. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada sidang pengarang Buletin FSM Bil. 13 di atas penerbitan ini.

Selamat Maju Jaya.
Sekian, terima kasih

Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Sekilas Kejayaan







Jabatan Biologi













Jabatan Biologi













Jabatan Biologi













Jabatan Biologi















Jabatan Biologi



Kursus Cantuman Durian 2025

Jawatankuasa Penjanaan Jabatan Biologi, Fakulti Sains dan Matematik (FSM) telah berjaya menganjurkan Kursus Cantuman Durian 2025. Program ini telah dilaksanakan pada 20 Ogos 2025. Semoga kursus ini dapat memberikan kemahiran praktikal yang bermanfaat serta memperkukuhkan lagi usaha penjanaan jabatan melalui aktiviti pertanian dan kelestarian.



Sambutan Hari Lahir Warga Jabatan Biologi

Jabatan Biologi, Fakulti Sains dan Matematik (FSM) telah mengadakan satu majlis Sambutan Hari Lahir bagi meraikan tujuh (7) orang warga jabatan. Majlis ini telah berlangsung pada 26 September 2025 (Jumaat) bertempat di Bilik Seminar Jabatan Biologi bermula jam 11 pagi hingga 3 petang. Program ini diadakan bertujuan untuk meraikan warga jabatan yang lahir pada bulan September serta mengukuhkan lagi ukhwah dan silaturahim antara ahli jabatan.



Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Program Pascasiswazah

Jabatan Biologi, Fakulti Sains dan Matematik (FSM) telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Program Pascasiswazah pada 30 September 2025. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memenuhi keperluan semakan program. Sesi ini telah dihadiri oleh tujuh (7) orang Penilai Luar yang terdiri daripada pakar-pakar mengikut bidang program

Jabatan Biologi



Majlis Syarahan Budiman

Setinggi-tinggi Tahniah & Syabas diucapkan kepada Profesor Dr. Haniza Hanim Mohd Zain dari Fakulti Sains dan Matematik sempena pelantikan beliau bagi menyampaikan Majlis Syarahan Budiman bertajuk "Dilema Tikus: Suatu Paradoks Nilai" yang berlangsung pada 31 Oktober 2025 (Jumaat), jam 8:30 pagi bertempat di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris.




Tahniah Barisan Finalis SULAM Innovate Ke-3

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada barisan finalis yang terdiri daripada Nur Hanis Shahmi Binti Mohd Fauzey, Siti Nur Huda Binti Suratin, Muhammad Bin Rosaharudin Shah, Nur Atiqah Binti Saniman, Muhammad Izudin Bin Md Isa, Naswa Hafika Alfahira, Rozaini Sahira Binti Roslan, Creasia Sherrly Jounie, dan Siti Nur Azlinda Binti S. Ahmad Zubaida serta Profesor Madya Dr. Syakirah Binti Samsudin selaku Penasihat atas kejayaan melangkah ke peringkat akhir SULAM Innovate Ke-3 (Service Learning Malaysia University for Society - Ideation, Invention and Innovation Challenge) yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu pada 24 hingga 26 November 2025.

Jabatan Biologi





Program Jejak Kelumpang: Bunga Warisan Perak

Inisiatif kolaboratif Ocean 9, CeBEC, FSM UPSI, dan RAS UPSI (Disember 2025 – Januari 2026) ini berjaya menyuntik kesedaran biodiversiti kepada lebih 600 pelajar di Kuala Kangsar. Melalui slogan “Memartabatkan Kelumpang, Menyemarakkan Warisan”, program ini memfokuskan pemeliharaan pokok Kelumpang Jari dan Kelumpang Burung sebagai simbol ekologi dan budaya warisan Negeri Perak yang perlu dipelihara.









Bicara Ilmu Biodiversiti: Landak

Pelajar Semester 1 ISMP Biologi (AT11) telah menganjurkan program Bicara Ilmu Biodiversiti pada 14 November 2025 menampilkan pakar rodensia, Prof. Madya Dr. Marina Mat Top (UPM). Program di bawah seliaan En. Zahid Mat Said (SBB3053) ini bertujuan membongkar keunikan ekologi dan kepentingan konservasi landak. Syabas atas penganjuran sulung yang berjaya menyemarakkan kesedaran kelestarian alam semula jadi dalam kalangan pelajar!

Jabatan Biologi













Pesta Sayap 2025:

Melestarikan Biodiversiti Tanah Lembap
Pada 25–26 Oktober 2025, seramai 26 pelajar FSM UPSI telah menyertai Pesta Sayap 2025 di Taman Alam Kuala Selangor. Bertindak sebagai pendidik alam sekitar, pelajar menjalankan pelbagai aktiviti interaktif seperti penanaman bakau, demonstrasi percambahan biji benih, dan pembuatan lilin eko. Program anjuran MNS ini merupakan manifestasi sokongan berterusan CeBEC UPSI terhadap inisiatif konservasi biodiversiti dan pendidikan alam demi masa depan yang lebih hijau.







Lawatan Akademik SMK Proton City ke CeBEC UPSI

Pada 21 Ogos 2025, pelajar Biologi Tingkatan 6 SMK Proton City telah melawat Herbarium dan Muzium Zoologi UPSI di bawah kendalian CeBEC. Bimbingan daripada Puan Marina Karunzaman dan Puan Irawati Othman memberikan pendedahan hands-on mengenai teknik penyediaan herbarium dan pemeliharaan serangga. Program ini mencerminkan komitmen CeBEC dalam memperkukuh kerjasama pendidikan biodiversiti bersama komuniti sekolah.

Jabatan Biologi










LOTIF2025: Love Our Turtle – Call To Action

Bertempat di Dewan Bandaran Pulau Pinang pada 15 Ogoshingga 1 September 2025, CeBEC dan sukarelawan Kelab RAS telah berkolaborasi dalam program LOTIF2025. Melaluireruai interaktif yang menampilkan teknologi VR, gamifikasi, dan komik pendidikan, CeBEC berjaya menyampaikan mesej pemuliharaan penyu secara kreatif kepada masyarakat. Inisiatif ini merupakan langkah proaktif dalam meningkatkan kesedaran komuniti terhadap kelestarian ekosistem maritim dan biodiversiti penyu



Sambutan Hari Lahir Warga FSM (Ogos - Disember)

Selamat hari lahir kepada semua staf yang menyambut ulang tahun dari bulan Ogos sehingga Disember. Semoga keberkatan umur mengiringi setiap langkah anda dan hari ini menjadi memori indah buat semua yang diraikan. Terima kasih atas komitmen luar biasa anda semua!

Jabatan Fizik













Jabatan Fizik





SLOT PELAJAR DIPLOMA SAINS BERSAMA JABATAN FIZIK

Jabatan Fizik telah mengadakan slot perjumpaan pelajar diploma semester 1 bersama Dekan, Ketua Jabatan fizik dan pensyarah Jabatan Fizik bagi mengalu-alukan kedatangan pelajar baharu pada 9 Julai 2025 di Makmal PhySTEM





MAJLIS PERSARAAN ENCIK AHMAD KAMAL ARIFFIN

Jabatan Fizik telah mengadakan majlis persaraan En. Ahmad Kamal bin Ariffin pada 14 Ogos 2026 bertempat di Bilik Seminar Jabatan Fizik. Pihak Jabatan Fizik mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan dan jasa beliau sepanjang berkhidmat.





PROGRAM LAWATAN PENANDA ARAS FAKULTI SAINS GUNAAN UiTM TAPAH KE JABATAN FIZIK

Jabatan Fizik telah menerima kunjungan lawatan penanda aras seramai 15 orang pensyarah, pentadbir dan pembantu pegawais dari UiTM Tapah berkenaan Program Diploma Sains pada 15 Julai 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Fizik, Blok 4, KSAS UPSI.



KUNJUNGAN HORMAT KE JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK BAGI MEMPROMOSI DAN MENJALIN KERJASAMA DALAM PENGANJURAN SEMINAR PENDIDIKAN FIZIK KEBANGSAAN (SPFK) 2025

Jabatan Fizik telah mengadakan satu kunjungan hormat ke JPN Perak pada 15 Ogos 2025 bagi mempromosikan dan menjalinkan kerjasama dengan pihak JPN Perak bagi melaksanakan SPFK 2025 yang dianjurkan oleh Jabatan Fizik pada bulan Disember 2025

Jabatan Fizik





LAWATAN DELEGASI MUSYAWARAH GURU MATA PELAJARAN FISIKA KOTA PADANG KE JABATAN FIZIK

Jabatan Fizik telah menerima kunjungan daripada delegasi Musyawarah Guru Mata Pelajaran Fisika Kota Padang ke Jabatan Fizik. Delegasi ini telah dibawan ke Smart Classroom dan Makmal Phykir bagi aktiviti perkongsian dan latihan pada 4 September 2025

AKTIVITI PENCERAPAN GERHANA BULAN

Stargazers UPSI di bawah Jabatan Fizik telah melaksanakan cerapan gerhana bulan penuh atau lebih dikenali sebagai Blood Moonpada pada 8 September 2025 langit UPSI. Fenomena ini bermula jam 12.26 tengah malam dan berakhir sekitar 4.00 pagi, dengan kemuncak jam 2.10 pagi. Aktiviti pencerapan ini dilaksanakan oleh En. Wan Zul Adli bin Wan Mokhtar, Ts. Dr. Afiq Radzwan dan En. Mohd Faisal bin Mohd Yassin bertempat di Blok 5, Kampus Sultan Azlan Shah dengan penggunaan empat buah teleskop.





BENGKEL PEMERKASAAN ILMU & PEDAGOGI GURU ABAD KE-21 UNTUK PARA GURU DAERAH LIPIS, PAHANG

Seramai 40 guru Fizik dan Sains dari sekolah-sekolah daerah Lipis, Pahang telah menyertai Bengkel Pemerkasaan Ilmu & Pedagogi Guru Abad Ke-21 bertempat di Jabatan Fizik, FSM pada 27 September 2025. Antara pengisian adalah mengenai ilmu pedagogi IBSE dan hands-on di makmal Optik, Elektromagnet dan Elektrik & Elektronik

Jabatan Fizik



Meet and Greet Senior Junior AT12

Program Meet and Greet Senior Junior AT12 diadakan pada 12 November 2025 (Rabu) bertempat di DKP6 .



Seminar Pendidikan Fizik Kebangsaan (SPFK) 2025

SPFK telah berjaya menarik seramai 47 pembentang dan 41 peserta. Ia dilaksanakan secara atas talian pada 18 Disember 2025. Seminar telah dirasmikan oleh dekan FSM, Prof. Dr Faizal Nizam Lee Abdullah. Ucapan aluan telah disempurnakan oleh Prof. Dr Carl Wieman iaitu pengasas Simulasi PheT & pemenang hadiah Nobel 2001 dari Stanford University manakala 3 orang pengucaputama telah dipilih iaitu Dr. Rusmini Ku Ahmad, Prof Madya Ts Dr Shahrul Kadri Ayop dan Prof Madya Dr Mohd Ali Samsudin

Jabatan Fizik





Program Kembara Ilmu Galaksi 2025 (KIG) –
Pencerapan Anak Bulan Rejab

Program Kembara Ilmu Galaksi 2025 (KIG) anjuran Jabatan Fizik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Kelab Rakan Astronomi UPSI (RASTRO), Unit Stargazers UPSI dan Jabatan Mufti Selangor telah berjaya dilaksanakan di Balai Cerap Selangor pada 21 Disember 2025.Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar berkaitan pencerapan anak bulan (Hilal), selaras dengan amalan sains falak dan kepentingannya dalam penentuan takwim Islam. Program ini melibatkan seramai 54 orang peserta, terdiri daripada 50 orang pelajar dan 4 orang pensyarah pengiring.





Mega Interaksi Fizik (MIF) 2026

MIF 2026 telah diadakan pada 29 Dis 2025. Seramai lebih 200 pelajar terdiri dari semua batch sem 1 hingga sem 7 telah terlibat dalam menjayakan program ini. Antara sukan yang terlibat ialah futsal, bola tampar, rocket parachute, frisbee, Belon beracun, lari dalam guni, passing tepung dan bola beracun

Jabatan Kimia













Jabatan Kimia








Jabatan Kimia



"Novel Medicines That Exploit Inflammatory Response in Cancer"

Jabatan Kimia telah menganjurkan satu syarahan ilmiah yang membincangkan pendekatan terkini dalam pembangunan ubat kanser dengan memanfaatkan tindak balas keradangan sebagai sasaran terapeutik. Syarahan ini memberi pendedahan kepada perkembangan semasa dalam bidang penemuan ubat dan penyelidikan kanser. Webinar ini telah disampaikan oleh Professor Kamyar Afarinkia, Professor of Drug Discovery daripada University of West London, United Kingdom





Bengkel Pembangunan Dokumen APEL.01

Jabatan Kimia telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Dokumen APEL.01 pada 11-12 September 2025 di Bilik Seminar Jabatan Kimia. Tujuan bengkel diadakan adalah untuk memperkukuh kefahaman dan kemahiran staf dalam penyediaan dokumen APEL.01 selaras dengan keperluan akreditasi dan pelaksanaan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu.

Jabatan Kimia



Bengkel Penyediaan Buku Prosiding Volume III Projek Tahun Akhir ISMP Kimia

Jabatan Kimia telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Buku Prosiding Volume III bagi Projek Tahun Akhir ISMP Kimia yang bertujuan memperkemas penyediaan, penyuntingan dan penyelarasan dokumen prosiding sebelum penerbitan rasmi. Bengkel ini telah diadakan pada 3-5 November, bertempat di Scholar Suites, UPSI (KSAS)

Semakan Program Jabatan Kimia

Jabatan Kimia telah menjalankan sesi semakan program pada 1 Disember 2025. Bengkel ini bertujuan menilai pelaksanaan, penambahbaikan dan penjaminan kualiti program akademik selaras dengan keperluan semasa serta piawaian penilaian akademik.





Tazkirah Jumaat dan Sambutan Hari Lahir

Sesi tazkirah telah diadakan pada hari Jumaat bagi merapatkan ukhuwah dan silaturrahim antara warga Jabatan Kimia. Sekaligus, sambutan hari lahir diadakan bagi mengraikan dan menghargai warga Jabatan Kimia.

Jabatan Kimia



**International Conference of Applied Sciences (i-CASE)
bersama 13th International Postgraduate Conference on Science and Mathematics
(IPCSM) 2025**

Jabatan Kimia telah menganjurkan International Conference of Applied Sciences (i-CASE) bersama 13th International Postgraduate Conference on Science and Mathematics (IPCSM) 2025 bertemakan “Empowering Generations: Advancing Knowledge through Science and Education” yang menghimpunkan ahli akademik, penyelidik dan pelajar pascasiswazah bagi perkongsian ilmu serta dapatan penyelidikan dalam bidang sains dan pendidikan. Persidangan ini berjaya dianjurkan pada 13 - 15 Disember 2025 dan melibatkan juga melibatkan aktiviti santai seperti Bowling dan aktiviti di Adventure Park.

Jabatan Matematik













Jabatan Matematik













Jabatan Matematik





PERJUMPAAN PENASIHATAN AKADEMIK AT48 KOHORT A241 (CELESTIA) 19 NOVEMBER 2025 (RABU)

Sesi perjumpaan Penasihatan Akademik di antara PA iaitu Dr. Nor Suriya Abd Karim dan Dr Nur Hamiza Adenan bersama pelajar Program AT48 ambilan A241 telah dilaksanakan pada 19 November 2025 yang lalu. Perjumpaan dilaksanakan secara santai bagi mendapatkan maklum balas pelajar berkenaan komitmen akademik mereka dan sekiranya terdapat permasalahan di sepanjang pengajian.

Lantikan Penyelaras Jaringan Industri

Tahniah diucapkan kepada Dr. Norhayati Ahmat atas pelantikan sebagai Penyelaras Jaringan Industri (Unit Data & Perancangan Strategik), Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, UPSI





Lawatan Rasmi Kilang Ningbo Lionet Science & Education Co, Ltd, China

Tahniah diucapkan kepada Dr. PM. Dr. Shazlyn Mileana Shaharudin kerana telah dijemput dalam lawatan rasmi ke Kilang Ningbo Lionet Science & Education Co, Ltd, China pada 4 - 9 November 2025 dengan tajaan Suria Pembekal Umum Sdn. Bhd.

@FSM



Mobiliti Surabaya - Malang



Lawatan Penanda Aras Matrikulasi



Fakulti Sains dan Matematik
Kampus Sultan Azlan Shah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

FACULTY OF SCIENCE AND MATHEMATICS
FSM UPSI
NURTURING CREATIVE MINDS